

Tuliskan imbuhan apitan bagi perkataan- perkataan di bawah.

1. Ayah _____ (jalan) rawatan di Hospital Permaisuri Bainun.
2. Nenek _____ (masak) lauk kegemaran kami setiap kali kami pulang ke kampung.
3. Pak Seman ke kebun getahnya dengan _____ (naik) motorsikal.
4. Mangsa _____ (malang) itu dihantar ke Hospital Sultan Ismail.
5. Datuk _____ (cerita) tentang kehidupannya ketika zaman pemerintahan Jepun dahulu.
6. Mereka sudah melakukan aktiviti _____ (panas) badan di padang.
7. Badrul tawar hati untuk bekerja di pejabat itu setelah _____ (marah) oleh majikannya.
8. Puan Fatimah _____ (bersih) sarang labah-labah di rumahnya.
9. Tanah- tanih di Malaysia sangat subur dan sesuai untuk _____ (tani)
10. Pakcik Wahab _____ (pindah) anak- anak pokok padi ke tapak semaian untuk ditanam.
11. Zahara gembira apabila mendapat tempat pertama dalam peperiksaan _____ (tengah) tahun.
12. Encik Kamal tiba lewat di pejabat kerana terkandas dalam _____ (sesak) lalu lintas.

Tuliskan kata dasar bagi perkataan- perkataan berimbuhan di bawah.

1. Kakak menumbuk cabai dan bawang itu hingga lumat.
(_____)
2. Saya akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah pada tahun
ini. (_____)
3. Abang kelihatan kecewa apabila dia gagal dalam ujian memandu
pagi tadi. (_____)
4. Encik Lim menyuruh pekerjaanya membersihkan tumpahan minyak di
lantai bengkel itu. (_____)
5. Kolej universiti itu menawarkan biasiswa kepada pelajar yang layak.
(_____)
6. Posmen itu menyerahkan sepucuk surat kepada Ameena.
(_____)
7. Pak Mail memotong beberapa tandan pisang yang telah matang untuk dijual kepada peraih. (_____)